

Kelebihan *Al-'Aqd* Dalam Perniagaan Francais Terhadap Usahawan Berlainan Agama

Advantages of Al-'Aqd in Franchise Business towards Entrepreneurs of Different Religions

Mohd Huefiros Efizi Bin Husain¹, Noor Naemah Binti Abdul Rahman², Nor Fahimah Binti Mohd Razif³

¹ Calon Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya;

² Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya;

³ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya;

Article progress

Accepted: 4 March 2020

Reviewed: 2 June 2020

Published: 30 November 2020

*Corresponding author:

Mohd Huefiros Efizi Husain,
Universiti Malaya, K.Lumpur,
Malaysia;

Email:

mohdhuefirosefizi@yahoo.com.my;

Abstrak: Pembentukan *al-'aqd* dalam perniagaan ditunjangi kehendak syara' bagi memastikan kebajikan setiap pihak berakad dijamin dan sesuatu matlamat yang disasarkan dapat dicapai dengan sempurna. *Al-'aqd* yang mewakili kepada pelaksanaan kontrak, menuntut kepada pematuhan di atas persepakatan sepanjang tempoh ia berlangsung. Keperluan *al-'aqd* ditonjolkan melalui ciri-ciri dan syarat tertentu mengikut disiplin muamalat Islam merangkumi pelbagai sudut bermula daripada sighthah, pelaksana akad, perkara diadakan dan kesan terhadap hukum. Kelebihan mematuhi prinsip ini bukan hanya dibuka kepada usahawan di kalangan muslim sahaja, bahkan secara menyeluruh merentasi agama, adat dan budaya. Manakala perniagaan francais pula, merupakan perniagaan yang dijalankan bersandarkan kepada kontrak sepenuhnya terutama kepada hubungan di antara pemberi dan penerima francais. Pelbagai isu melibatkan kontrak francais berlaku di kalangan pengusaha perniagaan tersebut di Malaysia merangkumi bermacam jenis produk dipasarkan. Kajian ini meninjau kelebihan prinsip *al-'aqd* kepada usahawan francais yang terdiri daripada agama berbeza. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mencapai objektif kajian dengan melibatkan kaedah kepustakaan dari pelbagai rujukan dan sesi temu bual bersama mereka yang berkenaan dengan perniagaan francais. Hasil kajian mendapati *al-'aqd* menawarkan kelebihan yang mampu memberi kemanfaatan kepada pihak berkontrak dalam francais sama ada di kalangan muslim atau sebagainya mencakupi pemilihan pihak berkontrak, penjelasan bentuk penawaran dan penerimaan serta kesan yang akan diterima untuk jangka masa panjang. Kajian ini mencadangkan agar *al-'aqd* dapat diperkenalkan dengan berkesan dan kesedaran ke atas pelaksanaan prinsip ini dipertingkatkan kepada lebih ramai pengusaha francais bagi memastikan pihak berkontrak mengenalpasti hak dan batasan dalam sesebuah kontrak dengan sewajarnya berpandukan kepada ajaran Islam sebenar.

Kata kunci: *al-'Aqd, Francais, berlainan agama, persepakatan, kelayakan;*

Abstract: *Al-'aqd* in business is based on the requirements of syara' to ensure the welfare of each party is guaranteed and a targeted goal can be achieved perfectly. It represents the execution of the contract, demands compliance with the agreement throughout the period in which it is in force. The need for *al-'aqd* is highlighted through certain characteristics and conditions according to the discipline of Islamic muamalat covering various angles starting from sighthah, the executor of the contract, the matter in question, and the effect on the law. Its advantages are not only open to entrepreneurs among Muslims only but across religions, customs, and cultures. The franchise business, on the other hand, is a business conducted based on a full contract, especially on the relationship

between the grantor and the recipient of the franchise. Various issues involving franchise contracts occurred. This study examines the advantages of the al-'aqd principle to franchise entrepreneurs of different religions. Using qualitative methods by involving the library method and interview with the franchisee. The results of the study found that al-'aqd offers advantages that provide benefits to the contracting parties in the franchise whether among Muslims or so covering the selection of contractors, the explanation of the form of supply and acceptance as well as the effects that will be received in the long run. This study suggests that al-'aqd can be introduced effectively and awareness on the implementation of this principle is increased to more franchisees to ensure that contractors identify the rights and limitations in a contract accordingly based on the true teachings of Islam.

Keywords: al-'Aqd, franchise, religions, mutual understanding, permissible

Pendahuluan

Seiring dengan perkembangan semasa, akad perjanjian merupakan intipati utama dalam setiap perkara yang dibangunkan. Pengendalian akad yang sempurna mendorong kepada kejayaan sesebuah matlamat di kalangan pihak berakad. Namun, sejauhmana perkara itu boleh diyakini sepenuhnya jika ia masih dilatari dengan permasalahan yang berlaku pada setiap peringkat. Utusan Online bertarikh 3 Oktober 2016 pernah melaporkan terjadinya isu diskriminasi agama dan perkauman melibatkan kebajikan dan layanan sewajarnya di kalangan pelaksana perniagaan francais (Nur Hanani, 2016). Tambahan pula, wartawan Shahidatool dan Sheila turut mengisi ruangan dalam akhbar tempatan terhadap isu penamatan operasi francais secara serta merta tanpa alasan kukuh daripada francais terhadap francais yang masih dalam tempoh berdaftar (Shahidatool & Sheila, 2019). Hal ini mampu mengundang kepada pembatalan akad yang dilaksanakan apabila ia melanggar tuntutan untuk berlaku adil dan kesamarataan dalam berakad di sisi Islam. Menyedari terhadap isu yang dikhuatiri, maka prinsip al-'aqd dalam muamalat Islam wajar dijadikan sandaran untuk menanganinya berlandaskan pembentukan ikatan janji dengan tertib dan tersusun. Ia dibina berdasarkan kefahaman terhadap sumber hukum Islam iaitu al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah, serta keperluan sejagat semasa tanpa membatasi kemahuan kelompok masyarakat tertentu. Oleh yang demikian, pengkaji akan menghuraikan prinsip al-'aqd dan keistimewaan yang boleh didapati terhadap pengamalannya kepada pengusaha muslim dan selainnya dalam perniagaan francais.

Metodologi Kajian

Dalam dunia penyelidikan, hasil kajian

ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian. Manakala reka bentuk kajian pula ditentukan oleh tujuan kajian dilaksanakan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah perpustakaan berdasarkan kepada pembacaan tesis, jurnal, buku dan bahan bacaan lain yang bersesuaian bagi menyokong tajuk kajian. Kemudian, pengkaji meneliti dan menganalisis kandungan yang diperolehi dengan membuat perbandingan terhadap keistimewaan al-'aqd dalam memenuhi keperluan perniagaan francais secara bersama. Di samping itu, sesi temu bual turut dijalankan di kalangan pihak berkontrak. Ia bertujuan untuk memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian. Kajian ini juga merungkai kekuatan yang terdapat dalam prinsip al-'aqd terhadap perniagaan francais yang terdiri daripada pengusaha berlainan agama dalam negara Malaysia.

Prinsip Al-'Aqd Dalam Muamalat Islam

Bahagian ini memfokuskan hal yang berkisar mengenai prinsip al-'aqd dan huraian terhadap perniagaan francais yang terdiri daripada pelbagai agama di Malaysia. Ia disusun supaya kajian yang dibina lebih terarah dan jelas difahami. Ia merangkumi pengenalan, ciri-ciri serta rukun dan syarat prinsip al-'aqd. Di samping itu, kajian ini melibatkan perniagaan francais dan penglibatannya di Malaysia yang terdiri daripada pengusaha berlainan agama seperti Islam, Budha, Hindu dan Kristian. Ia bertujuan menjawab pernyataan permasalahan dalam kajian ini. Setiap perkara di atas dapat dirujuk seperti di bawah:

Pengenalan umum al-'Aqd

Al-'Aqd berasal daripada bahasa arab iaitu 'aqada – ya'qidu – 'aqdan (عقد – يعقد – عقداً) (Ibnu

Manzur, t.t: 4/3030). Ia bermaksud sebuah perjanjian dan menjadi kewajipan untuk ditunaikan. Al-Qamus al-Muhit mendefinisikan al-'aqd sebagai ikatan atau simpulan yang didirikan dengan bentuk boleh dilihat (al-hissy) atau tidak kelihatan (al-ma'nawy) (Fayruz Abady, t.t, 327). Manakala dalam al-Qamus al-Mawrid pula, al-'aqd adalah kontrak dan perjanjian (al-Ba'labakiy, t.t: 770). Hal ini dapat dibina berdasarkan kesepakatan di kalangan pihak berakad sama ada dalam perniagaan, pernikahan dan perkara kemasyarakatan seharian (Al-Fayoumy, t.t: 160). Wahbah al-Zuhayli memberi takrif al-'aqd dalam Kitab al-Fiqh Islamiy adalah bentuk kesepakatan di antara dua pihak mengikut keperluan masing-masing yang memiliki kesan terhadap penentuan hukum (Al-Zuhayli, 1986: 4/81). Dalam kalangan masyarakat Melayu pula, ia dikenali umum sebagai kontrak meliputi penawaran, penerimaan dan pengawalan (Ahmad Shamsul, 2003: 1).

Elemen utama dalam pelaksanaan sesebuah al-'qd adalah kerelaan dan kesepakatan bermula daripada ia dibina sehingga tempoh perjanjian tamat. Ia perlu disedari secara menyeluruh agar tidak timbul isu pengkhianatan yang akan memberi risiko kepada satu pihak sahaja atau kedua-duanya sekali dan setiap kelemahan yang ada dapat ditangani secara bersama. Oleh yang demikian, Islam menganjurkan prinsip al-khiyar terhadap kontrak yang telah dibina sama ada ingin meneruskan atau membatalkan penglibatan dalam kontrak tersebut sebelum tempoh waktu sebenar tamat. Prinsip tersebut berperanan memelihara kesempurnaan kontrak daripada berlakunya pembebanan ke atas sebelah pihak membabitkan pematuhan kandungan akad dan faedah yang bakal diperolehi (Abu Ghuddah, 1985: 118, 'Abd. 'Aziz, 2010: t.h). Prinsip al-khiyar ini juga melibatkan pendukun utama dalam perniagaan iaitu penjual dan pembeli dalam tempoh waktu tiga hari sebelum kontrak terpisah rasmi (al-Husayni, 1994: 1/203). Perjanjian akad tersebut mewakili tuntutan kewajipan kepada Allah SWT dan akad pula bersandarkan kepada persetujuan secara bersama kedua-dua pihak terhadap syarat-syarat yang ditentukan sepertimana kehendak syara'. Kemudaratan akan berlaku jika pihak terbabit gagal memelihara akad dan perjanjian yang telah dipertanggungjawabkan untuk ditunaikan (Al- Tabary, t.t: 6/46).

Ciri-ciri al-'Aqd

Ciri-ciri merupakan teras yang membolehkan sesuatu perkara dapat dikenalpasti dan disedari

kewujudannya dengan baik dalam kelompok yang besar. Ia juga boleh dijadikan panduan terhadap pelaksanaan banyak perkara walaupun terdapat perbezaan mengikut keperluan tersendiri yang telah ditetapkan. Pelaksanaan kontrak melalui al-'Aqd tidak terkecuali menggariskan ciri-ciri yang perlu ditekuni oleh pelaksana kontrak tersebut. Pertama, al-'aqd perlu bercirikan kepada kebebasan (al-ḥurriyah). Islam mengajar umatnya akan bentuk kebebasan (free will) dalam mempertimbangkan sesebuah pilihan, bahkan mendorong untuk melakukannya sebagai pengawasan terhadap permasalahan di kemudian hari (Suwandi et.al, 2016: 72). Kedua, adalah kesetaraan atau kesamaan (al-Musāwamah) di kalangan pelaksana akad. Perseimbangan dalam al-'aqd ditonjolkan menerusi persamaan hak yang diterima di kalangan pihak berakad. Tuntutan melakukannya melibatkan setiap aspek dalam sesebuah akad tanpa dihalangi oleh kepentingan tertentu di sebelah pihak sahaja. Kelainan yang dimiliki terhadap pelaksana akad seperti keturunan, bangsa, warna kulit dan pengaruh setempat tidak seharusnya menjadi punca untuk tidak berlaku penyamarataan dan hilang hak kesamaan dalam melangsungkan akad di sisi Islam (Normala Ismail, 2003: 78). Ketiga pula ialah keadilan (al-'adl), sikap terbabit merupakan faktor kejayaan yang tidak dapat dinafikan dalam setiap perkara yang diusahakan. Ia menjurus kepada kebenaran yang perlu dipamerkan sama ada ketika memberi keterangan maklumat, melakukan operasi, perkiraan, pelaksanaan sistem perundangan dan sebagainya. Kekeliruan akan berlaku jika ia gagal dilaksanakan dengan sewajarnya mengikut toleransi yang sepatutnya dalam tempoh berakad (Al- Ghazaly, 1976: 1058).

Keempat pula kerelaan (al-riḍā) dalam penawaran dan penerimaan berakad. Akad yang didirikan merupakan tuntutan tanggungjawab di antara lebih daripada satu pihak, maka sikap kerelaan merupakan nadi kepada sesebuah matlamat yang mahu dicapai. Kerelaan tersebut meliputi penawaran di kalangan pihak petama dan penerimaan di pihak kedua mengikut kandungan perjanjian yang dikemukakan. Perkara ini bertentangan dengan sikap paksaan di kalangan pihak berakad apabila salah satu pihak tidak bersetuju untuk melangsungkan akad berdasarkan penetapan yang disediakan (Suwandi, 2016: 71). Kelima adalah kejujuran (al-ṣidq), sikap berlaku jujur dalam Islam dilatih pada setiap perkara yang dibangunkan bagi mengatasi daripada berlakunya penganiayaan dan penzaliman ke atas lebih daripada diri mereka sendiri (Mohd Hasrul, 2015: 45-46). Rasulullah SAW merupakan contoh

terpuji terhadap sikap kejujuran Baginda dalam perniagaan dan kehidupan seharian sehingga diberi gelaran al-siddiq. Sikap terpuji ini perlu diteladani oleh setiap peringkat umatnya agar kemakmuran di dunia dapat diperolehi dan mempermudah lagi seluruh perkara yang dilaksanakan (Al-Humayri, 1995: t.h). Manakala yang terakhir pula, menjadi kewajipan dasar pelaksanaan al-'aqd adalah dengan bertulis (al-kitābah). Penulisan dalam akad merupakan simbolik terhadap terbinanya perjanjian bersandarkan kepada kandungan yang ditawarkan di dalamnya. Kedua-dua pihak yang berakad perlu memahami kandungan tersebut sebelum membuat persetujuan untuk turut serta. Di samping itu, ia menjamin kesahan akad yang dilakukan berikutan kemampuan manusia yang terbatas untuk mengingati sesuatu perkara secara menyeluruh dan tepat. Ia juga berperanan membantu ahli berakad untuk melakukan perancangan, keputusan dan penilaian dengan tersusun (Muhammad Rashid & Csuhaida, t.t: 2).

Rukun dan Syarat al-'Aqd

Rukun merupakan bentuk penetapan yang perlu didirikan dan menjadi pengukur kepada kesahihan sesuatu perkara mengikut piawaian hukum syara' (Qal'ah Ji, 1988: 226). Manakala syarat pula berfungsi sebagai bentuk pengawasan dengan memastikan sesuatu perkara dilakukan dengan tepat mengikut kehendak yang diperlukan (Al-Zuhayli, 1986: 137). Maka, rukun dan syarat dalam sesebuah akad saling berkait rapat sebagai pengawasan jaminan hak dan penstrukturan akad yang sempurna tanpa wujudnya elemen yang merosakkan. Rukun pertama al-'aqd adalah sighthah (ijāb dan qabūl). Sighthah merupakan pembuktian melaksanakan sesuatu perkara yang diadakan secara ringkas dan mudah dilakukan meliputi ijab dan qabul (Al-Zuhayli, 4: 94). Bukan hanya melalui lisan semata-mata, malah sighthah turut diharuskan dengan cara bertulis, isyarat bagi mereka yang kurang kemampuan untuk bertutur dengan baik (Ibnu Qudamah, 1938: 3/375). Syarat utama sighthah adalah jelas, dapat didengari, dilihat dan difahami mengikut kebiasaan masyarakat setempat (Muhammad Sayyid, t.t: 23). Kemudian, keselarasan di antara sighthah dan kandungan akad tersebut. Syarat terakhir adalah dilaksanakan secara berterusan tanpa berpisah di antara ijab dan qabul dalam tempoh yang panjang (Wan Nazman, 2003, 72).

Rukun kedua pula ialah penglibatan dua pihak atau lebih yang berakad (aqidān). Syarat yang diperkenalkan dalam rukun ini adalah mereka (aqidān), tergolong dalam kumpulan al-ahliyyah sama

ada mengikut ahliyyah al-wujub atau ahliyyah al-ada'. Ia merujuk kepada kelayakan khusus untuk melakukan akad iaitu mumayyiz, baligh dan berakal (rushd) (Musa, 1987: 317). Rukun ketiga al-'aqd merujuk kepada ma'qūd 'alayh (perkara yang diadakan). Syarat yang diperuntukkan dalam rukun ini adalah perkara berkenaan dapat dikenalpasti keberadaannya ketika akad hendak dilakukan dengan secara tepat sama ada terhadap nilai, sifat atau kuantitinya ('Aly Haydar, 2003: 1/178). Seterusnya adalah perkara dalam akad tersebut tidak bercanggah dengan hukum asas Islam seperti perjudian, pelacuran dan rompakan (Zaharuddin: 12). Syarat yang berikut adalah perkara diadakan itu mengandungi ciri-ciri boleh dilihat dengan jelas, dapat ditentukan bagi mengatasi daripada berlakunya penipuan dan keraguan (Ibn Rushd, 1414: 2/103). Manakala rukun terkakhir pula ialah mawdū' al-'aqd (kesan hukum akad) yang berpotensi memacu perjalanan kontrak agar objektif utama ia dilaksanakan tercapai dengan sempurna (Ibn Qudamah, 1994: 6/5).

Usahawan Francais Di Malaysia

Asas Perniagaan Francais

Francais adalah perniagaan berteraskan kebenaran dan kepercayaan yang diberi berdasarkan etika dan jumlah peruntukan tertentu oleh pemilik syarikat kepada pengusaha francais untuk memasarkan sesuatu barangan atau perkhidmatan (Kamus Dewan, 2010). Martin Mendelsohn mendefinisikan francais sebagai persepakatan di kalangan francaisor dan francaisi mendirikan perniagaan. Francaisor berfungsi menyediakan modul perniagaan dengan ditambah sesi bimbingan khusus kepada francaisi yang berdaftar. Manakala francaisi pula perlu menyediakan modal pembayaran pada kadar ditetapkan sebagai simbolik bersetuju untuk turut serta dalam francais. Ia melibatkan kebenaran untuk menggunakan jenama, jenis dan pelbagai sistem francais di bawah pemilikan francaisor (Martin, 1995: t.h). Teknik pemasaran francais bergantung kepada keperluan semasa dan tatacara yang disediakan sepanjang tempoh beroperasi. Hal tersebut bergantung kepada kandungan perjanjian yang disepakati bersama agar tidak berlaku penyelewengan dan kemungkiran sehingga mendatangkan kesan sampingan terhadap francais. (Richard, 1976: 42). Awalan Abdul Azizi (1999) pernah menulis dalam bukunya akan asas pembangunan perniagaan francais bermula dengan sikap mengambil kira setiap sudut kekuatan yang tersedia, peluang dan risiko yang bakal dihadapi di

kemudian hari. Selain itu, pelaksanaannya terlebih dahulu perlu menyediakan modal kewangan yang dinyatakan bagi kelancaran seluruh perancangan francais. Tambahan pula, penekanan serius terhadap pendaftaran syarikat dengan pendaftar yang sah dan berbeza dengan jenama yang sedia ada di pasaran perlu diamati sebelum membuat keputusan bagi mengatasi berlakunya pertindihan jenama dalam sesebuah industri.

Francais di Malaysia

Perniagaan francais diperkenalkan di Malaysia di awal 1950-an dengan pemasaran produk daripada syarikat seperti Singer, Bata dan beberapa jenama stesen minyak. Selain faktor kesungguhan yang ditunjukkan oleh rakyat tempatan, ia juga menarik minat para pelabur syarikat antarabangsa untuk memperkenalkan rangkaian baharu mereka di Malaysia seperti restoran A & W, Kentucky Fried Chicken(KFC), Pizza Hut dan McDonald's menjelang 1970-an dan awal 1980-an (Awalan, 1994: 4). Permintaan produk francais di pasaran dalam negara meningkat saban tahun dan memberi kesedaran kepada peniaga tempatan akan kebaikan yang diperolehi menerusi bentuk perniagaan tersebut. Meneladani modul perniagaan francais yang diperkenalkan daripada negara barat itu, ia membuka peluang kepada rakyat setempat untuk turut berdaya saing memperkenalkan produk francais buatan sendiri serta menepati kehendak masyarakat semasa. Akta Francais 1998 (Pindaan) 2012 adalah etika perundangan yang digunakan terhadap pelaksanaan perniagaan francais di Malaysia. Ia mengandungi kaedah menjalankan francais dan bentuk tindakan terhadap larangan yang perlu diawasi oleh setiap pelaksana francais berdaftar.

Perkara tersebut merangkumi beberapa bahagian seperti pendaftaran, pembiayaan dan pelaksanaan undang-undang berkait (Mohd Hizam & Zafir, 2008: 52-54). Bahagian Pendaftaran Francais adalah unit kecil di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dilantik sebagai Pendaftar yang sah bagi menguruskan hal-hal berkaitan dengan pelaksanaan Francais dalam negara. Menjadi satu keistimewaan di Malaysia apabila perniagaan tersebut dimajukan oleh usahawan yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan keturunan bergantung kepada faktor setempat. Perkembangan francais di Malaysia pada tahun 2017 dapat disaksikan dengan kenaikan jumlah pendaftaran francais melibatkan pelbagai sektor. Antaranya perusahaan pakaian (33.1%), makanan (32.8%) dan selebihnya

dalam kumpulan lain-lain perniagaan seperti perubatan, pendidikan dan teknologi maklumat (2019). Oleh yang demikian, sambutan menggalakkan daripada pengguna dan pelaksana francais tempatan menjadi inspirasi kepada negara untuk mencapai jumlah pendapatan RM35 bilion daripada sektor francais untuk disumbangkan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 (Nurul Fateha, 2017).

Dapatan Kajian

Bahagian ini akan menghuraikan dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji menerusi pelbagai sumber untuk mencapai matlamat kajian. Oleh yang demikian, pengkaji membahagikan hasil dapatan kajian tersebut kepada bahagian yang bersesuaian supaya ia dapat dikenalpasti oleh pembaca dengan tersusun dan bersistematik. Kelebihan prinsip al-'aqd kepada usahawan francais yang terdiri daripada berlainan agama yang mencakupi pendirian kontrak muamalat menerusi al-'aqd, pengenalan perniagaan francais dan hubungkait kedua-dua keutamaan tersebut kepada pelaksana yang berlainan agama dapat ditonjolkan dalam bahagian tertentu seperti yang berikut:

Berteraskan sumber dalil yang kukuh

Setiap pelaksanaan hukum Islam berasaskan kepada sumber diyakini menerusi nas utama perundangan Islam iaitu al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah. Manakala al-Ijma' dan al-Qiyas adalah hasil ijtihad para fuqaha' terhadap isu yang baharu muncul tetapi tidak dijumpai dalil khusus mewakili perkara tersebut. Namun, keperluan itu tetap merujuk kepada dua nas utama di atas tanpa dipengaruhi oleh kepentingan peribadi dan nafsu semata-mata termasuklah pembentukan prinsip al-'aqd. Maka, penganjuran al-'aqd juga berdasarkan dalil di bawah:

Antara dalil yang diterapkan ke atas tuntutan al-'aqd dilihat sepertimana yang dikemukakan di bawah:

بِالْعُقُودِ أَوْفُوا أَمْنُوا الَّذِينَ أَيُّهَا يَا

al-Maidah: 1

Terjemahan: Wahai orang-orang beriman, penuhi serta sempurnakanlah setiap perjanjian-perjanjian.

استرط: مضاربةً مالا دفع إذا المطلب عبد بن العباس كان ولا واديا به ينزل ولا بحرا به يسلك لا أن صاحبه على شرطه فرفع. ضامن فهو فعل فان. رطبة كيد ذات به يشتري فأجازة وسلم عليه الله صلى الله رسول إلى

Terjemahan: al-'Abbas Bin 'Abd al-Mutallib ketika menyerahkan modal untuk diurus niagakan secara mudarabah: beliau mensyaratkan kepada rakan perkongsiannya untuk tidak melewati lautan, tidak menuruni lembah, tidak membeli haiwan. Oleh itu, apabila dia (rakan kongsi) melakukan perkara-perkara ini, maka ia mesti menjamin risiko kerugian. Kemudian, syarat tersebut diberitahukan kepada Rasulullah SAW lalu baginda membenarkannya.

Perkataan "أَوْفُوا" dalam ayat di atas menunjukkan perintah Allah SWT kepada umat Islam untuk memenuhi keperluan akad dengan sempurna. Begitu juga dengan saranan mendirikan mudarabah yang tergolong dalam prinsip berakad apabila melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak berurusan dalam sesebuah perkara.

Maka, kelebihan terhadap usahawan francais yang berlainan agama di sini adalah pembinaan al-'aqd boleh diyakini sepenuhnya kerana didasari oleh sumber peletakan hukum yang kukuh sehingga mendatangkan kesan kepada pelaksanaannya. Keyakinan tersebut bertunjangkan pemahaman ke atas dalil yang diguna pakai dengan menyeluruh yang menjadi sandaran kepada pelaksana kontrak Muslim. Bahkan, ia mampu menentukan potensi sesuatu perkara dalam akad dijalankan dengan tertib mengikut keperluan umum semasa. Manakala kepada non-Muslim pula, prinsip al-'aqd mampu mendidik kewibawaan mereka terhadap pematuhan kandungan kontrak dengan didasari oleh panduan yang sahih dan boleh diterapkan dalam perniagaan tanpa was-was. Ini adalah kerana prinsip al-'aqd amat menitikberatkan pemeliharaan kemaslahatan umum dan menghindari kemudaratannya. Ia juga digunakan kepada pembinaan hukum lain dalam Islam seperti ibadah dan muamalat secara menyeluruh. Bahkan, ia terhindar daripada kekhuatiran untuk melaksanakan kemungkinan dalam memenuhi kandungan kontrak terutamanya kepada non-Muslim apabila berusaha meneladani nilai murni pelaksana kontrak di kalangan Muslim. Oleh itu, terbit keyakinan di pihak non-Muslim untuk menuruti sebanyak mungkin panduan yang ditetapkan al-'aqd secara tepat seperti diajarkan dalam Islam mengikut tujuan sebenar dijalankan.

Bercirikan tuntutan syara'

Hukum Islam diturunkan bukan hanya kepada mereka yang bergelar Muslim sahaja, bahkan bersifat menyeluruh merangkumi perkara yang dilakukan sama ada mengikut harian tertentu sahaja atau dalam tempoh yang panjang. Penilaian hukum syara' diukur kepada kesahan sesuatu perkara yang dilaksanakan

sama ada menepati tuntutan melaksanakannya atau meninggalkannya dalam Islam. Ia dapat ditinjau terhadap kandungan dalam sumber hukum Islam seperti yang telah dinyatakan di atas. Kesan kemudaratannya akan berlaku jika tuntutan tersebut dilanggari walaupun kepada individu atau masyarakat sekeliling.

Begitu juga terhadap pembentukan al-'aqd dalam perniagaan francais, ia tersasar jauh daripada prinsip yang boleh melemahkan sesebuah perjanjian dengan terdapatnya al-gharar seperti riba', penjualan khinzir dan anjing, pencurian dan segala bentuk larangan Islam di dalamnya. Hal ini dinyatakan dalam syarat ma'qūd 'alayh (perkara yang diakadkan) yang ditetapkan dengan terperinci perkara yang diharuskan berakad (al-Zuhayli, 1986: 348). Maka, kebaikan al-'aqd dalam sesebuah perniagaan terhadap usahawan berlainan agama adalah berjaya disadari secara bersama. Ia juga berfungsi untuk memelihara disiplin individu dengan menghindari daripada perbuatan yang membawa kemudaratannya dan bertentangan dengan tuntutan syara'. Hal ini adalah kerana hukum Islam diturunkan sesuai kepada seluruh aspek kehidupan sama ada melibatkan perniagaan, politik dan hubungan sosial yang menzahirkan panduan tatacara dengan betul. Bahkan, tanggungjawab memelihara hubungan di kalangan pelaksana kontrak tersebut agar kepentingan setiap pihak dipelihara sebaiknya. Ia membuktikan bahawa Islam adalah panduan kehidupan yang syumul dan tidak dikhususkan kepada masyarakat Muslim sahaja. Malah, ia merentasi perbezaan agama, bangsa dan budaya kerana mereka saling memerlukan dan supaya kesejahteraan hidup bersama mampu diraih.

Berlandaskan perbincangan dan kesepakatan bersama

Keindahan budaya Islam dapat ditemui dalam pelaksanaan al-'aqd melibatkan keseluruhan pihak berakad iaitu sesi perbincangan di setiap peringkat kandungan perjanjian tersebut. Sesi tersebut diaturkan bagi meletakkan semua pihak yang terlibat pada penjelasan yang baik tanpa diselindungi oleh perkara mengelirukan. Antaranya adalah tempoh kerakad, kadar pembayaran yuran dan perkara merosakkan akad. Sesi ini juga menjadi tanggungjawab kepada mereka untuk disepakati jika tidak terdapat perkara yang menyalahi keperluan dan memberi kemanfaatan bersama. Perkara ini menepati ciri-ciri berakad dengan sah merangkumi prinsip kebebasan (al-ḥurriyah) (Suwandi, 2016: 72), kerelaan (al-riḍā) (M.Shabri, 2007: 63) dan kejujuran (al-ṣidq) (al-

Humayri, 1995: t.h).

Ia juga tidak menampakkan kepada pembezaan yang diciptakan secara khusus terhadap pelaksanaan al-'aqd dalam sesuatu perkara walaupun disertai daripada pelaksana akad yang berlainan agama dan kepercayaan. Usahawan francais muslim dan selainnya bebas menjalani perbincangan dan persepakatan secara bergandingan terhadap sesuatu perkara dalam perniagaan tersebut bermula ia mula dilangsungkan selagi tidak membelakangi larangan Islam. Hal ini akan terhindar daripada kerisauan terhadap penglibatan dalam perniagaan francais di Malaysia yang dimonopoli oleh usahawan selain daripada Muslim seperti francais makanan, perubatan dan perkhidmatan dobi layan diri.

Penglibatan pihak berkeelayakan

Keistimewaan yang terkandung dalam akad menurut prinsip muamalat Islam iaitu al-'aqd adalah berdasarkan pemilihan ke atas pihak yang berakad. Pemilihan tersebut meliputi tahap kebolehan individu yang melayakkan mereka untuk menerima dan memenuhi keperluan akad dengan sempurna mengikut rukun dan syarat berakad dengan sah. Ia tergolong dalam rukun 'aqidan (dua pihak berakad) dan terdiri daripada ahliyyah al-wujub dan ahliyyah al-ada'. Ahliyyah al-wujub adalah pemilihan mengikut kesesuaian ditetapkan untuk mensabitkan atau disabitkan sesuatu hak (Zaydan, 1999: t.t). Manakala ahliyyah al-ada' pula adalah kelayakan tertentu yang membawa kepada kesan hukum sama ada daripada perlakuan atau pertuturan (al-Zuhayli, 1986: 164). Pembahagian pihak berakad berkenaan bergantung kepada keperluan dan kerelaan bersama (diwakilkan kepada wali bagi keadaan tertentu) di peringkat janin, bayi, mumayyiz, baligh dan berakal (rushd) (al-Bustany, 1977: 11/941). Rukun tersebut ditentukan bagi bertujuan mengatasi berlakunya perkara yang tidak diingini dalam berakad apabila perjanjian tersebut dilakukan oleh pihak yang tidak berkeelayakan. Larangan yang tertegah untuk menjalankan kontrak menurut syara' adalah individu atau pihak yang belum akil baligh kerana tidak mencapai tahap mukallaf, belum bijak menguruskan harta dengan baik berikutan kemahiran yang dimiliki dapat dipertikaikan dan memberi kemudahan terhadap kontrak yang dibangunkan. Selain itu, persiapan mereka yang mahu terlibat dalam kontrak terutamanya melibatkan sumber kewangan. Hal ini adalah kerana kewangan yang cukup menjadi bukti kepada komitmen yang boleh diberikan oleh pemilik kontrak kepada penerima kontrak. Jika kewangan

tersebut menghadapi masalah, ia akan menjejaskan perjalanan sesuatu kontrak mengikut sasaran yang dipersetujui secara bersama di kalangan mereka. Oleh itu, pelaksanaan perniagaan francais akan menemui kejayaan dengan lebih lancar dan tersusun seperti yang diharapkan apabila ia disertai oleh pihak yang memiliki tahap kelayakan dengan baik. Keutamaan perkara ini wajar diterapkan pada permulaan akad dijalankan bagi menjauhi unsur sesebuah akad terlerai sebelum pada tempoh ditetapkan dalam perjanjian bersama.

Bebas daripada isu diskriminasi

Keharmonian pelaksanaan perniagaan francais dapat dilihat apabila kebajikan setiap pihak yang terlibat di dalamnya mendapat pemeliharaan dan kesamarataan dengan baik. Ia menggambarkan kepada tiada perbezaan yang sengaja diwujudkan berdasarkan kepentingan tertentu, malah mencerminkan keseimbangan di kalangan pihak berakad. Tuntutan ini menepati kepada kehendak Islam agar tidak berlaku diskriminasi yang memudaratkan seperti hasad, perbalahan dan penindasan. Firman Allah SWT:

شُعُوبًا وَجَعَلْنَاكُمْ وَأَنْتَى ذَكَرٍ مِنْ خَلْقِنَاكُمْ إِنَّا النَّاسُ أَهْيَا يَا
لِتَعَارَفُوا وَقَبَائِلَ
خَبِيرٌ عَلَيْهِمُ اللَّهُ إِنَّ أَنْفَاكُمْ اللَّهُ عِنْدَ أَكْرَمَكُمْ إِنَّ

Al-Hujuraat: 13

Terjemahannya: Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Tambahan pula, sikap keadilan wajar diterapkan melibatkan francaisor kepada setiap francais yang berdaftar. Pelaksanaan al-'aqd dengan menuruti prinsip keadilan sebenar menjadi rujukan hukum berpanjangan dan menjadi tidak wajar jika ia tidak dipedulikan bermula daripada awal perjanjian dilakukan (Syed Nawab, 1981: 76). Ia dapat dilihat seperti keadilan dalam memberi kenyataan ketika beroperasi, penilaian kualiti dan pertimbangan barang, pelaksanaan tindakan undang-undang. Kesamaran maklumat dalam memenuhi keperluan akad berkenaan akan berlaku jika aspek keadilan tersebut dilakukan dengan tidak sewajarnya (Al-Ghazaly, 1976: 1058). Oleh itu, tidak timbul permasalahan jika prinsip al-'aqd diterapkan dalam sesebuah perkara terutamanya perniagaan yang disertai oleh pelaksanaanya yang

terdiri daripada latar belakang agama yang berbeza sepanjang tempoh akad belum berakhir. Ini adalah kerana panduan hukum Islam menerusi al-'aqd tidak mengecualikan pembabitan pihak berkontrak di kalangan non-Muslim untuk bersama mencapai matlamat perniagaan. Bahkan, al-'aqd sendiri tidak menafikan hak yang wajar diterima ke atas manusia yang berusaha menjayakan sesebuah perkara yang dibangunkan.

Kesimpulan

Kajian ini memberi fokus kepada kelebihan prinsip al-'aqd kepada pengusaha berlainan agama melibatkan pemberi francais dan penerima francais dalam memajukan perniagaan francais. Kelebihan prinsip tersebut dapat dibuktikan kepada lima bahagian berdasarkan pengamatan sumber dalil yang kukuh, menepati tuntutan syara', berlandaskan persepakatan melalui perbincangan, penglibatan pihak yang berkeelayakan dan terhindar daripada permasalahan diskriminasi hak serta kebajikan. Kajian ini menyimpulkan bahawa al-'aqd sesuai dijadikan sandaran secara menyeluruh kepada setiap pengusaha wamalupun terdapat sebahagian daripada mereka terdiri daripada agama yang berbeza. Kemudian, berdasarkan kehujahan yang dikemukakan, ia membuktikan bahawa prinsip ini tidak menghalangi perniagaan francais untuk mencapai tahap kemajuan yang telah disasarkan tanpa membandingkan latar belakang agama dan kepercayaan akidah pengusaha yang terlibat. Tambahan pula, ia kekal sebagai prinsip yang memelihara kesejahteraan keseluruhan umat manusia dan tersisih daripada perkara keburukan seperti perselindungan, pendayaan dan penipuan. Tambahan pula, ia menawarkan ciri keselamatan kepada setiap pihak menjalankan kontrak francais apabila menerapkan nilai keadilan, kejujuran dan berpengetahuan ketika melangsungkan kontrak tersebut. Impak daripada itu, penerima francais bersiap sedia menjalankan perniagaan francais dengan sempurna supaya persetujuan dalam kontrak yang didirikan tidak disisihkan. Bahkan, ia dijadikan jaminan terhadap tempoh jangka hayat dalam perniagaan francais yang kian mendapat sambutan di kalangan para pelabur dan memiliki persaingan tersendiri. Silap percaturan, tempat individu atau pihak yang memungkirkan kandungan kontrak akan diambil oleh pengusaha baharu yang lebih berminat untuk menyertainya. Hal ini berkait rapat dengan permasalahan yang timbul berdasarkan jurang untuk memastikan prinsip al-'aqd dapat diterapkan dengan sebaiknya. Ia berikutan fungsi yang terdapat padanya

mampu memberi kesan memberangsangkan kepada kemajuan perniagaan francais sama ada kepada Muslim dan non-Muslim. Ternyata, ia berupaya dicapai jika kesedaran mengaplikasikannya dalam sesebuah perjanjian berada pada tahap yang tinggi dan tidak dihalangi oleh perkara memudaratkan mengikut hukum Islam sebenar daripada ia mula dilaksanakan.

Penghargaan

Pengkaji mengambil kesempatan merakamkan sekalung penghargaan ucapan terima kasih kepada University of Malaya Student Financial Aid (UM Financial Aid), Institut Pengurusan dan Perkhidmatan Penyelidikan Universiti Malaya (IPPP UM) di atas usaha menyalurkan bantuan pembelajaran sepanjang pengajian di peringkat ini dan seterusnya melancarkan lagi proses penyelidikan yang sedang dijalankan mengikut tempoh waktu ditetapkan.

Rujukan

- 'Abd. Aziz Muhammad 'Azzam, *Fiqh al-Muamalat: Sistem Transaksi dalam Fiqh Islam*, (Jakarta: Pustaka Amzah, 2010).
- Abu Ghuddah, "Abd. Sattar, *Al-Khiyar wa atharuhu fi al-'Uqud*, (Matba'ah Maghawiy Dallah Barakah, 1985).
- Ahmad Shamsul Abdul Aziz, "Elemen Tawaran dan Penerimaan dalam Pembentukan Jual Beli dari Perspektif Undang-Undang Jenayah", *Jurnal 'Ulum Islamiyyah*, (2003).
- Al-Bustany, Fuad Irfam, *Munjib al-Tullab*, (Beirut: Dar al-Mashriq, 1977).
- Al-Fayoumy, Al-Misbah al-Munir
- Al-Ghazaly, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad, *Ihya' 'Ulum al-Din*, (Kaherah: Mu'assasah al-Halaby, 1976).
- Al-Humayri, Abu Muhammad Abd. Al-Malik Ibn Hisham Ibn Ayyub, *Al-Sirah al-Nabawiyah*, (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1995).
- Al-Husayni, Taqi al-Din Abu Bakr bin Muhammad, *Kifayat al-Akhyar fi al-Hal Qayah al-Ikhtisar*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1994).
- Al-Zuhaily, Wahbah, *Al-Fiqh al-Islamy wa Adillatuh*, (Damaskus: Dar al-Fikr, 1986).
- Al-Zuhaily, Wahbah, *Usul al-Fiqh al-Islamy*, (Damsyik: Dar al-Fikr, 1986).
- 'Aly Haydar, *Durar al-Hukam fi Sharh Majallah al-Ahkam*, perkara 201, (Riyadh: Dar 'Alim al-Kutub, 2003).
- Awalan Abdul Aziz. *Perniagaan Francais di Malaysia; Perspektif dan Panduan*. (Kuala Lumpur: Creative Energy Enterprise, 1999).

- Fayruz Abady Maj al-Din Muhammad Ibn Ya'qub, al-Qamus al-Muhit, (Beirut: D Jayl, t.t).
- Hadith riwayat Ibn Abbas, Kitab al-Qirad, no. hadith 11611. Lihat: Abu Bakr Ahmad Bin al-Husayn Bin 'Ali al-Bayhaqi, Al-Sunan al-Kubra, ed. Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata, ed. ke-3 (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003).
- Ibnu Manzur, Lisan al-'Arab, (Kaherah: Dar al-Ma'arif, t.t).
- Ibn Qudamah, op. cit, 4: 5; al-Ramly, Shihab al-Din, Muhammad Ibn Ahmad, Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj, (Kaherah: Maktabah Mustafa al-Halabi, 1938).
- Ibn Qudamah, Abdullah Ibn Ahmad, Al-Mughni, (Beirut: Dar al-Fikr, 1994).
- Ibn Rushd, Bidayat al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid, (Lahore: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, 1414).
- Kamus Dewan, Edisi keempat. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).
- M. Shabri Abd. Majid & Nasir Azis, "Ke Arah Integrasi Ekonomi Strategi untuk Menangani Kesan Globalisasi", *Jurnal Syariah*, (2007), Vol. 15, 63-64.
- Martin Mendelsohn. *The Guide to Franchising*. (London: Cassell Publisher Limited, 1995).
- Mohd Hasrul Shuhairi, Mohd Fauzi Hamat, "Nilai-nilai Penting Individu Muslim Menurut Al-Ghazali", *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, (2015).
- Mohd. Hizam Hanafiah dan Zafir Mohamed Makhbul, "Kesan Kegawatan Ekonomi ke atas Perniagaan Kecil: Penemuan dalam Perniagaan Francais", (*Jurnal Ekonomi Malaysia* 42), (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia 2008).
- Muhammad Rashid bin Rajuddin & Suhaida binti Abdul Rhapar, *Amalan Pengurusan Perniagaan Peniaga-peniaga Kedai Runcit Bumiputera di Luar Bandar Daerah Hilir Perak*, (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, t.th).
- Muhammad Sayyid Ahmad Amir, 'Aqd al-Bay' fi al-Fiqh al-Islamy, (Tanta: Universiti Al-Azhar, t.t), 23.
- Munir al-Ba'labakiy, al-Qamus al-Mawrid, (Beirut: Dar al-'Ilm al-Malayyin).
- Musa, Muhammad Yusuf, Al-Amwal wa Nazariyyah al-'Aqd fi al-Fiqh al-Islami, (t.tp: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1987).
- Normala Ismail, "Sistem Ekonomi Islam: Definisi, Falsafah dan Masalah Asas Ekonomi", *Jurnal Wahana Akademik*, (Merbok: UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sg. Petani, 2003).
- Nur Hanani Azman, "Cabaran Besar Usahawan Francais", *Utusan Online*, 3 Oktober 2016. <http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/cabaran-besar-usahawan-francais>
- Nurul Fatiha Muah, "Potensi Perniagaan Francais", *Sinar Online*, 22 Mei 2017. <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/potensi-perniagaan-francais>
- Potal Rasmi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), <http://https://www.kpdnhep.gov.my>
- Qal'ah Ji, et. al., *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*, (Beirut: Dar al-Nafa'is, 1988), 226.
- Richard E. Caves, William F. Murphy II. *Franchising: Firms, Markets and Intangible Assets*. (t.t: *Southern Economic Journal*, 1976)
- Shahidatool & Sheila, "Isu Francais Stesen Minyak Perlu Tindakan Kerajaan", *Utusan Online*, 30 Januari 2019. <http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/isu-francais-stesen-minyak-perlu-tindakan-kerajaan-1.832439>
- Suwandi, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Wan Nasyrudin Wan Abdullah, "Konsep Perniagaan Islam; Kajian al-Qur'an dan al-Sunnah", *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (2016).
- Syed Nawab Haidar Naqvi, *Ethics and Economics: An Islamic Synthesis*, (London: The Islamic Foundation, 1981) 76.
- Wan Nazman Wan Mahmud, "'Bay' Bitahman Ajil dan Pelaksanaannya di Bank Muamalat Malaysia Berhad", *Disertasi Sarjana Jabatan Syariah & Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*, (Petaling Jaya: Universiti Malaya: 2003).
- Zaharuddin Abd. Rahman, *Contracts & The Products of Islamic Banking*, 12.
- Zaydan, 'Abd. al-Karim, *Al-Madkhal fi al-Fiqhi al-'Amm*, (Damsyik: Dar al-Qalam, 1999), t.h.